

Awesome Busker terus semarakkan persada seni

NST 9.4.2017 12

OLEH PRESCA TUDOL

BILA bercakap tentang seni, ramai orang akan menganggap ia satu karier yang tidak pernah menjamin masa hadapan namun tiada siapa yang dapat meramal tuah seseorang, sedangkan tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu?

Justeru itu, Awesome Busker tidak berputus asa dan terus berjuang dan menjadikan kehidupan busker sebagai satu minat atau hobi di samping menjadi pelajar Universiti Malaysia Sabah secara sepenuh masa.

Awesome Busker terdiri daripada empat orang yang diketuai oleh Danny Chieng Lee Wee (27) atau lebih dikenali sebagai Dan. Danny merupakan pelajar tahun akhir Psikologi Kaunseling (FPP) dan merupakan vokalis kepada Awesome Busker.

Ahli berikutnya Mohd Syahlee Abdul (22) lebih dikenali sebagai Lee merupakan pelajar Psikologi Kanak-kanak dan Keluarga (FPP) dan juga pemain cajon bagi Awesome Busker sementara Arthurica Stanislaus (22) atau Ater dan Welfred Masidil (22) atau Wel pula merupakan pemain gitaris dan bass. Ater merupakan pelajar Psikologi Industri dan Organisasi (FPP) manakala Wel pula pelajar Sains Sosial-Geografi (FK-SW).

Keempat-empat mereka merupakan pelajar sepenuh masa yang terikat dengan kuliah dan peperiksaan seperti pelajar lain di universiti. Namun, apa yang membezakan, mereka merupakan penghibur di luar waktu



ARTHUR berperanan sebagai gitaris.

kelas rasmi. Menjadi pelajar dan penghibur tidak menghalang mereka untuk terus mengembangkan minat dalam seni muzik.

Pada awalnya, mereka bergerak secara persendirian dari tahun 2015, sama ada dengan memenuhi jemputan luar dan dalam UMS. Daripada persembahan percuma kini mereka diiktiraf sedikit demi sedikit dan diberikan token atas persembahan mereka.

Sebagai pelajar, dengan aktiviti busking ini, mereka secara tidak langsung mampu menambah duit poket mereka sendiri walaupun tidak banyak, namun memadai untuk menampung sedikit keperluan harian.

Malahan Awesome Busker secara tidak langsung dapat membuktikan bahawa seorang pelajar mampu un-



SYAHLEE @ Lee ...pemain cajon.



WELFRED... pemain bass.



DANNY...tugasan sebagai pelajar tidak halangan minat dalam muzik.

tuk membahagikan masa belajar dan melakukan hobi dengan baik dan seimbang dari segi aktiviti akademik dan minat.

Atas saranan Prof. Madya Dr. Ismail Ali, dan usaha Abdul Haidy Abdul Hamid (Brader Joeh Rocasia) selaku Penasihat – Kelab Busker UMS (BUMS) ditubuhkan pada awal tahun ini. Danny sendiri dilantik menjadi Presiden Kelab Busker UMS.

Penasihat BUMS, Brader Joeh Rocasia sentiasa memberikan semangat yang jitu lagi berdedikasi untuk membantu perkembangan pelajar membangunkan kelab baharu ini.

Dengan motto BUMS, 'Hidupkan Legasi Seni' diharapkan pelajar boleh terlibat sama dan menjadikan BUMS sebagai platform permulaan jejak seni mereka seperti Awesome Busker.

Danny selaku presiden berharap supaya lebih ramai akan menyertai Kelab Busker UMS untuk menyerlahkan lagi seni mereka sekaligus mengangkat martabat muzik atau seni jalanan ke satu tahap yang lebih tinggi dan mengharumkan nama Universiti Malaysia Sabah itu sendiri.



AWESOME Busker bersama Penasihat Kelab Busker UMS, Abdul Haidy (Brader Joeh Rocasia) yang juga merupakan Presiden Kelab Anak Seni Sabah.



AWESOME Busker semasa Busking Challenge anjuran JHEP UMS baru-baru ini.